

PM adakan mesyuarat dengan BN Sarawak minggu ini.

UM 20 MAR
KUALA LUMPUR 19 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan mesyuarat dengan Barisan Nasional (BN) Sarawak dalam tempoh seminggu ini.

Mesyuarat itu dipercayai se bagai persediaan BN negeri itu menghadapi pilihan raya negeri yang mungkin diadakan selewat-lewatnya November depan.

Saya akan menemui BN Sarawak secepat mungkin dalam minggu ini juga, kata beliau yang juga Pengerusi BN selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Parlimen di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut butir-butiran pertemuan yang akan diadakan itu.

Ditunjangi

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang ditemui di lobi Parlimen sebelum itu berkata beliau tiada apa-apa pemakluman kerana belum menemui Perdana Menteri.

BN Sarawak yang ditunjangi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) kini menguasai 58 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan.

DAP memegang satu kerusi dan tiga lagi kerusi dimiliki calon Bebas.

BN Sarawak kali ini bakal menghadapi tentangan daripada Parti Keadilan Nasional, Parti Reformasi Sarawak (STAR), DAP Pas dan kumpulan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang bertanding atas tiket Bebas.